

PM enggan campur tangan

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak mahu campur tangan dalam urusan dalaman MCA, yang dikatakan kembali bergolak berikutan pengguguran Datuk Lim Ah Lek sebagai pengerusi Lembaga Disiplin parti itu, minggu lalu.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN), sebaliknya berkata pelan damai yang dikemukakan bagi menamatkan krisis MCA sebelum ini, cuma sebagai garis panduan.

"Umumnya mereka mematuhi," katanya kepada pemberita selepas merasakan persidangan mengenai percubaan di Seri Kemangan di sini, hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas keputusan Jawatan-

kuasa Pusat (CC) MCA 29 Ogos lalu yang tidak melantik semula Lim yang juga Timbalan Presiden parti itu sebagai pengerusi Lembaga Disiplin.

Ditanya sama ada tindakan menggugurkan Lim melanggar pelan damai yang dikemukakannya, Perdana Menteri berkata:

"Oleh kerana Lim sendiri terbabit dengan masalah, jadi tentulah tidak sesuai bagi dia menjadi pengerusi jawatankuasa disiplin.

"Pada masa yang sama, sepatutnya ada rundingan antara kedua-dua pihak mengenai siapa yang patut berada dalam jawatankuasa disiplin. Tetapi banyak yang menuduh bahawa tidak ada rundingan. Saya tak tahulah, ini masalah

MCA, saya tak campur tangan."

Krisis MCA sebelum ini reda selepas Dr Mahathir mengemukakan pelan damai bagi menamatkan perbalahan dua kumpulan yang diketuai Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Lim.

Bagaimanapun, Lim mendakwa keputusan CC pada 29 Ogos lalu itu yang menggugurkannya serta pemimpin yang rapat dengannya, bercanggah dengan pelan damai yang dilaksanakan kedua-dua pihak untuk menstabilkan parti.

Bekas Menteri Sumber Manusia itu yang mempekerjakan Lembaga Disiplin MCA sejak 1993 bagi menggantikan Tan Sri Lee Kim Sai, mendakwa Dr Ling tidak mematuhi pelan da-

mai yang menetapkan status quo dikekalkan.

Mengulas lanjut mengenai pelan damai itu, Dr Mahathir berkata:

"Garis panduan ini adalah perkara lain dan sepatutnya ada rundingan antara mereka. Mustahil satu orang yang terbabit dalam kontroversi dia akan menjadi pengerusi jawatankuasa yang akan membuat keputusan berkenaan sesuatu kontroversi."

Di PUTRAJAYA, Dr Ling berkata, pelantikan anggota baru Lembaga Disiplin itu dibuat selepas CC menerima banyak maklum balas daripada peringkat bawahan yang tidak berpuas hati dengan lembaga berkenaan sejak setahun lalu.

Beliau berkata, apa saja keputusan yang dibuat

urusan MCA

lembaga itu sebelum ini akan dianggap sebagai tidak adil kerana anggotanya sendiri ada yang menganggotai Kumpulan A dan B.

"Oleh itu, CC memutuskan semua lima anggota lembaga itu ditukar dengan mereka yang bebas dan tidak menyebelahi mana-mana pihak.

"Tindakan ini (menggantikan anggota Lembaga Disiplin) adalah lebih baik daripada pelan damai yang dicadangkan.

"Selepas ini, kita tidak boleh mengatakan sama ada anggota baru lembaga itu dari Kumpulan A atau B dan apa juga keputusan yang dibuat akan dilihat sebagai adil serta sak-sama," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan tujuh pela-

jar yang baru pulang selepas menyertai Festival Harmonika Asia Pasifik Ke-4 di Jepun.

Dalam festival yang disertai tujuh negara itu, pelajar terbabit memenangi satu pingat emas, dua (perak) dan tiga (gangsa).

Ditanya langkah segera yang perlu diambil lembaga baru itu, Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata, lembaga berkenaan perlu mencontohi parti komponen BN yang lain dengan menyediakan garis panduan mengenai perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan ahli.

Bagaimanapun, katanya, beliau tidak akan mencadangkan perkara itu kepada lembaga berkenaan kerana berpendapat anggotanya mempunyai pe-

ngalaman luas dan tahu apa yang perlu dilakukan.

"Jika ada salah faham, selesaikan melalui parti...jangan pergi kepada akhbar hingga menyulitkan keadaan.

"Begitu juga jika ada masalah, jangan terus pergi kepada polis dan mahkamah, selesaikan dalam parti. Saya rasa ini adalah garis panduan yang perlu dipatuhi," katanya.

Ditanya mengenai penerimaan ahli MCA terhadap anggota baru Lembaga Disiplin parti itu, Dr Ling berkata, majoriti ahli parti gembira dan berpuas hati dengan keputusan itu.

"Sekurang-kurangnya, (keputusan yang bakal dibuat lembaga itu) akan dilihat sebagai satu keadilan," katanya.